



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

LAPORAN INTERIM BANCI PERTANIAN 2024

PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem parameter Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama parameter ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Diterbitkan dan dicetak oleh
**Jabatan Perangkaan
Malaysia** Blok C6 & C7,
Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
E-mel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM45.00

Diterbitkan pada Mei 2025

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-253-923-0

KATA PENGANTAR

Laporan Interim Banci Pertanian 2024 Perhutanan & Pembalakan membentangkan parameter perhutanan & pembalakan di Malaysia bagi tahun rujukan 2023. Penerbitan ini mengandungi maklumat profil pegangan pertanian meliputi pertubuhan serta penemuan parameter banci bagi aktiviti perhutanan & pembalakan.

Penyusunan parameter ini merujuk kepada manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* bagi tempoh 2016 hingga 2025 yang menyarankan negara supaya melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sepuluh tahun. Malaysia merupakan antara negara yang melaksanakan Banci Pertanian pada tahun 2024 bagi tahun rujukan 2023.

Dalam menghasilkan profil dan parameter pertanian melalui pelaksanaan Banci Pertanian 2024, kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan pemegang taruh iaitu Kementerian Pertanian & Keterjaminan Makanan, Kementerian Perlindungan & Komoditi, Kementerian Sumber Asli & Kelestarian Alam dan Kerajaan Negeri telah terjalin erat bagi menjamin integriti data.

Penerbitan ini memaparkan ringkasan penemuan keseluruhan pengeluaran perhutanan & pembalakan dan jadual parameter terperinci merangkumi kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan & nilai jualan. Manakala, nota teknikal menerangkan konsep & definisi dan kata singkatan bagi memudahkan pengguna memahami parameter yang diterbitkan.

Semoga parameter dalam penerbitan ini dapat dimanfaatkan oleh agensi kerajaan untuk tujuan perancangan dan penggubalan dasar, pemantauan serta penilaian keberkesanan program pembangunan pertanian negara. Sementara itu, ahli ekonomi, ahli akademik dan individu boleh menggunakan parameter ini dalam analisis serta penyelidikan sosial dan ekonomi.

DOSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak yang telah menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

merangkap Pesuruhjaya Banci Pertanian 2024

Mei 2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong




**BANCI PERTANIAN
2024**

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

BANCI PERTANIAN 2024

Banci Pertanian 2024 merupakan banci keempat dilaksanakan sejak penubuhan Malaysia pada tahun 1963. Pelaksanaan banci ini adalah sejajar dengan manual *World Programme for the Census of Agriculture (WCA) 2020* yang menyarankan setiap negara ahli melaksanakan Banci Pertanian sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 2016 hingga 2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023 telah bersetuju supaya Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) di bawah Kementerian Ekonomi melaksanakan Banci Pertanian 2024. Tadbir urus Banci Pertanian 2024 terdiri daripada Jawatankuasa Pemandu Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan Jawatankuasa Utama Banci yang dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia selaku Pesuruhjaya Banci serta melibatkan pelbagai agensi pelaksana di peringkat persekutuan dan negeri iaitu Timbalan Pesuruhjaya, Penolong Pesuruhjaya dan Penguasa Daerah. Selain itu hampir tujuh ribu orang terdiri daripada Penyelia dan Pembanci telah dilantik bagi sepanjang tempoh pelaksanaan banci.



Ahli Jawatankuasa Pemandu Banci

Pengerusi : Ketua Setiausaha Negara
 Pengerusi Ganti : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Jabatan Perkhidmatan Awam

Ahli:

- Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan
- Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi
- Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi
- Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri
- Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
- Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan
- Ketua Perangkawan Malaysia
- Setiausaha Kerajaan Negeri

Operasi Banci Pertanian 2024 telah bermula pada 7 Julai 2024 dan tamat pada 31 Oktober 2024. Banci ini telah melalui proses transformasi dengan penggunaan ICT yang terkini bagi aktiviti pembancian melalui sistem MyAgriCensus.

Outcome Banci Pertanian 2024 akan memberi tumpuan kepada agenda nasional dan menjadi penanda aras baharu bagi sektor pertanian negara. Maklumat yang berintegriti dan reliable digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian blueprint pembangunan negara. Satu platform khas iaitu Sistem Integrasi Digital Pangkalan Data Pertanian Bersepadu, TaniStats telah dibangunkan untuk menyediakan data di hujung jari yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh dalam perancangan pembangunan sosio ekonomi. Secara tidak langsung, ia dapat merapatkan jurang digital dalam capaian sumber data yang pelbagai dan kompleks. TaniStats akan mengintegrasikan data pertanian daripada pelbagai sumber dan platform ini menyokong pembangunan dasar yang berasaskan data (*data-driven policy*), mempercepat proses analisis trend dan impak. Ia juga membolehkan perancangan yang lebih bersasar dan responsif terhadap isu semasa. Secara keseluruhan, platform ini menyumbang ke arah tadbir urus sektor pertanian yang lebih strategik, telus dan berimpak tinggi. Platform ini menyebarkan maklumat berkaitan penemuan utama Banci Pertanian 2024, serta pelbagai informasi sokongan lain yang relevan. Halaman utama portal TaniStats ini merangkumi:

- a) Penerangan ringkas mengenai maksud dan fungsi utama TaniStats sebagai sistem bersepadu untuk statistik sektor pertanian;
- b) Rasional dan keperluan pembangunan sistem ini dalam menyokong perancangan dan pemantauan sektor pertanian negara;
- c) Kepentingan sistem ini dalam menyediakan data yang tepat, pantas dan bersepadu untuk pelbagai pihak; dan
- d) Peranan TaniStats dalam memperkukuh dasar, memacu pertumbuhan sektor agromakanan, serta menyokong pembangunan mampan negara.

TaniStats juga mengandungi MyAgroPrice iaitu satu platform interaktif yang memaparkan maklumat terkini harga produk pertanian terpilih dengan liputan siri masa secara bulanan dari tahun 2020 hingga 2024. Papan pemuka ini memaparkan perubahan harga di peringkat rantaian edaran produk pertanian iaitu harga Ladang, Borong dan Runcit mengikut negeri. MyAgroPrice merupakan inovasi yang memberikan maklumat paras dan perubahan harga produk pertanian terpilih yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna bagi keputusan kepenggunaan.

Keberhasilan utama banci ini juga adalah berkaitan pengukuhan statistik pertanian. Banci Pertanian kini akan dilaksanakan setiap 10 tahun secara berkala bagi memastikan ketersediaan data baseline yang kemaskini, selari dengan keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Bagi memperkukuhkan ketersediaan data pertanian, survei pertanian jangka pendek akan dilaksanakan secara berkala mulai 2026.

Selain itu, penerbitan Indikator Keterjaminan Makanan secara tahunan, Indeks Pengeluaran Pertanian secara suku tahunan dan Indeks Keterjaminan Makanan akan diterbitkan bagi sumber rujukan dalam merangka hala tuju sektor pertanian negara.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

KANDUNGAN

	Muka Surat
Kata Pengantar	iii
Banci Pertanian 2024	vii
Kandungan	xi
Senarai Statistik	xiii
Ringkasan Penemuan	3
Jadual Statistik	35
Nota Teknikal	53
Penghargaan	71
Lampiran	75

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
Jadual 1.0	Pegangan Pertanian bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	35
Jadual 1.1	Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	36
Jadual 2.0	Pegangan Pertanian Individu bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023	37
Jadual 2.1	Pegangan Pertanian Individu bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023	38
Jadual 2.2	Pegangan Pertanian Individu bagi Perhutanan dan Pembalakan mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023	39
Jadual 2.3	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023	40
Jadual 2.4	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023	41
Jadual 2.5	Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023	42
Jadual 3.0	Parameter Utama bagi Aktiviti Hasil Hutan Bukan Kayu mengikut Negeri, Malaysia, 2023	45
Jadual 3.1	Parameter Utama bagi Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	46
Jadual 3.2	Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Hasil Hutan Bukan Kayu mengikut Negeri, Malaysia, 2023	47
Jadual 3.3	Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	48
Jadual 3.4	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Aktiviti Hasil Hutan Bukan Kayu mengikut Negeri, Malaysia, 2023	49
Jadual 3.5	Kuantiti dan Nilai Jualan bagi Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023	50

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

A large, ancient tree with a thick trunk and a wide, spreading canopy stands in a lush forest. The sun is rising behind the tree, creating a golden glow and silhouetting the branches. The background shows misty mountains and a dense forest of smaller trees.

RINGKASAN PENEMUAN

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



PROFIL PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU PERHUTANAN & PEMBALAKAN, MALAYSIA, 2023

Jantina



Lelaki
7,419
(93.6%)



Perempuan
511
(6.4%)

Bilangan Pegangan
Pertanian Individu
7,930

Etnik



Bumiputera

7,891
(99.5%)



Cina

23
(0.3%)



India

3
(0.04%)



Lain-Lain

13
(0.16%)

Kumpulan Umur



2,388
(30.1%)

15 - 30 tahun



2,970
(37.5%)

31 - 45 tahun



1,707
(21.5%)

46 - 59 tahun



865
(10.9%)

60 tahun dan
ke atas

Taraf Perkahwinan



1,832
(23.1%)

Tidak Pernah
Berkahwin



538
(6.8%)

Balu/Duda



5,450
(68.7%)

Berkahwin



110
(1.4%)

Bercerai/
Berpisah

Sijil Tertinggi Diperoleh




Tiada
Sijil

4,254
(53.6%)



Pendidikan
Rendah

2,214
(27.9%)



Pendidikan
Menengah

1,425
(18.0%)



Pendidikan
Tertiari

37
(0.5%)

Sumber: Banci Pertanian 2024





PARAMETER UTAMA PERHUTANAN & PEMBALAKAN, MALAYSIA, 2023



PEGANGAN
PERTANIAN

8,464

INDIVIDU
7,930

PERTUBUHAN
534



KUANTITI
PENGELUARAN

PERHUTANAN
(KG)
5,396,932

PEMBALAKAN
(M³)
6,567,463



KUANTITI
JUALAN

PERHUTANAN
(KG)
4,873,288

PEMBALAKAN
(M³)
5,981,613



NILAI JUALAN
(RM)

PERHUTANAN
67,405,589

PEMBALAKAN
3,766,956,126

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti perhutanan dan pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Sumber: Banci Pertanian 2024





PARAMETER UTAMA PERHUTANAN

Jumlah



**Pegangan
Pertanian**
7,872



**Kuantiti
Pengeluaran
(kg)**
5,396,932



**Kuantiti Jualan
(kg)**
4,873,288




**Nilai Jualan
(RM)**
67,405,589

Mengikut Indikator Utama


Bilangan Pengusaha



Kuantiti Pengeluaran (kg)




Kuantiti Jualan (kg)



Nilai Jualan (RM)



Bilangan Pegangan Pertanian Mengikut Negeri



Petunjuk: Individu Pertubuhan

Nota:

- * Pegangan pertubuhan pertanian bagi negeri tersebut kurang daripada tiga (3)
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk Pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti perhutanan dan pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.
- W.P = Wilayah Persekutuan

Sumber: Banci Pertanian 2024





PARAMETER UTAMA PEMBALAKAN

Jumlah



**Pegangan
Pertanian**
599



**Kuantiti
Pengeluaran
(m³)**
6,567,463




**Kuantiti Jualan
(m³)**
5,981,613



**Nilai Jualan
(RM)**
3,766,956,126

Mengikut Indikator Utama

Bilangan Pengusaha



Kuantiti Pengeluaran (m³)



Kuantiti Jualan (m³)



Nilai Jualan (RM)



Bilangan Pegangan Pertanian Mengikut Negeri



Petunjuk: Individu Pertubuhan

Nota:

- * Pegangan pertubuhan pertanian bagi negeri tersebut kurang daripada tiga (3)
- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk Pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
- Aktiviti perhutanan dan pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Sumber: Banci Pertanian 2024





PERHUTANAN

Empat Jenis Hasil Hutan Tertinggi Mengikut Nilai Jualan

Isi Rumah

Jenis Hasil Hutan	Kuantiti Pengeluaran (kg)	Kuantiti Jualan (kg)	Nilai Jualan (RM)
Petai	508,456	499,578	10,213,571
Buluh	896,414	878,799	8,703,734
Rotan	265,043	259,902	7,167,754
Sarang Burung	1,512	1,491	2,913,796

Pertubuhan

Jenis Hasil Hutan	Kuantiti Pengeluaran (kg)	Kuantiti Jualan (kg)	Nilai Jualan (RM)
Sarang Burung	5,778	5,778	12,089,980
Buluh	876,661	504,631	5,046,220
Rotan	176,979	176,929	4,969,575
Madu Lebah	2,640	2,640	727,865

PEMBALAKAN

Empat Jenis Kayu Balak Tertinggi Mengikut Nilai Jualan

Pertubuhan

Jenis Hasil Hutan	Kuantiti Pengeluaran (m ³)	Kuantiti Jualan (m ³)	Nilai Jualan (RM)
<i>Mixed Light Hardwood</i>	356,348	356,348	374,272,071
Kayu Belian	89,261	89,261	256,096,256
Kayu Keruing	372,573	372,573	250,500,299
Kayu Aracia Mangium	129,890	129,890	233,802,000

Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti perhutanan dan pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

Sumber: Banci Pertanian 2024





PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

PENDUDUK

Negeri	Penduduk (juta)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 ^P
Malaysia	30.7	31.2	31.6	32.0	32.4	32.5	32.4	32.6	32.7	33.4	34.1
Johor	3.6	3.6	3.7	3.7	3.7	3.8	4.0	4.0	4.0	4.1	4.2
Kedah	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2	2.2	2.1	2.2	2.2	2.2	2.2
Kelantan	1.7	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9
Melaka	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
Negeri Sembilan	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2
Pahang	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7
Perak	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.6
Perlis	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
Pulau Pinang	1.7	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8
Sabah	3.7	3.7	3.8	3.9	3.9	3.9	3.4	3.4	3.4	3.6	3.7
Sarawak	2.7	2.7	2.7	2.8	2.8	2.8	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
Selangor	6.1	6.2	6.3	6.4	6.5	6.5	7.0	7.1	7.0	7.2	7.4
Terengganu	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

NISBAH JANTINA

Negeri	Nisbah Jantina										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^P	2024 ^e
Malaysia	107	108	108	108	108	108	110	109	109	110	111
Johor	113	113	113	113	113	112	115	114	113	114	116
Kedah	103	103	103	103	103	103	104	104	104	104	104
Kelantan	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101
Melaka	104	105	105	106	106	107	111	111	110	111	113
Negeri Sembilan	109	109	109	109	109	109	108	108	107	108	108
Pahang	114	114	114	114	114	113	113	112	112	113	114
Perak	104	104	104	104	104	104	109	108	108	109	110
Perlis	98	98	99	99	99	99	100	100	100	100	99
Pulau Pinang	103	103	104	104	105	105	105	105	105	105	105
Sabah	110	110	110	110	110	110	109	109	109	109	109
Sarawak	108	109	109	109	109	109	107	107	107	107	107
Selangor	109	109	109	108	108	108	113	112	112	113	115
Terengganu	104	104	104	103	104	103	105	105	105	105	106
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98

Nota:

i.- Tiada kes

ii.Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024





PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

STRUKTUR UMUR

Negeri	Struktur Umur											
	2021			2022			2023			2024 ^e		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
Malaysia	7,684.8	22,601.3	2,290.2	7,579.7	22,754.7	2,363.7	7,569.2	23,347.4	2,485.2	7,554.2	23,894.3	2,610.2
Johor	949.3	2,812.1	258.6	930.9	2,827.4	270.0	914.2	2,904.3	288.8	911.0	2,965.8	309.4
Kedah	536.5	1,436.0	179.1	533.5	1,444.6	185.0	535.0	1,461.5	192.8	534.0	1,482.1	201.4
Kelantan	538.9	1,153.6	119.8	539.0	1,168.9	122.7	536.6	1,195.5	127.7	534.3	1,221.3	132.9
Melaka	234.1	705.3	65.1	234.9	706.7	66.9	234.8	724.4	69.1	233.7	742.5	70.9
Negeri Sembilan	300.9	817.3	86.0	299.4	820.2	88.3	296.5	836.7	91.7	294.8	850.4	94.9
Pahang	418.3	1,079.2	104.0	411.4	1,096.0	106.9	405.8	1,127.3	110.1	398.6	1,156.5	113.1
Perak	573.9	1,707.7	234.2	564.8	1,710.0	239.7	554.1	1,740.0	247.2	545.2	1,769.9	254.5
Perlis	57.3	207.3	23.0	57.6	208.8	23.4	57.3	211.9	23.9	58.0	214.4	24.4
Pulau Pinang	342.9	1,274.5	122.6	336.7	1,275.8	128.5	337.4	1,299.2	136.1	336.7	1,319.7	144.0
Sabah	882.8	2,334.1	195.7	855.9	2,357.6	201.5	878.0	2,502.0	216.8	889.5	2,621.5	231.3
Sarawak	532.5	1,740.0	193.1	521.3	1,753.7	198.5	513.6	1,780.3	208.4	507.2	1,793.1	217.8
Selangor	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	1,532.2	5,119.9	557.6	1,540.8	5,229.0	593.5
Terengganu	333.7	770.0	67.0	336.8	781.1	68.7	340.2	798.1	71.8	343.5	813.8	74.8
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	364.6	1,504.5	136.6	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	26.2	68.0	4.9	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	42.9	73.9	2.1	41.8	76.2	2.3

KADAR KELAHIRAN KASAR

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	17.8	16.7	17.2	16.7	16.1	15.9	15.5	15.1	14.5	13.5	12.9
Johor	17.5	16.5	17.0	16.8	16.3	16.5	16.3	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	18.2	17.2	17.7	17.5	17.0	17.1	16.5	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	22.4	21.6	22.8	22.2	21.4	21.4	20.6	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	16.9	16.0	16.7	16.4	16.0	15.8	15.6	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	16.9	16.3	17.3	16.9	16.4	16.2	16.2	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	17.7	17.2	18.1	17.5	17.0	16.7	16.2	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	15.5	14.5	14.9	14.7	14.4	14.0	13.5	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	17.3	16.7	18.4	17.4	17.5	17.6	17.2	16.0	14.4	14.2	12.9
Pulau Pinang	14.7	12.9	13.6	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4	11.3	10.7	10.2
Sabah	16.9	15.7	15.6	14.7	13.7	13.6	13.6	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	16.8	15.3	15.4	14.7	13.9	13.6	13.1	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	18.9	17.5	18.0	17.5	16.6	16.3	15.8	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	23.5	22.9	23.7	23.8	23.3	23.1	23.0	21.8	23.6	22.5	21.3
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Nota:

- i.- Tiada kes
- ii. Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berdasarkan Banci 2010 dan akan disemak semula

Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024





PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

KADAR KEMATIAN KASAR

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3	5.4	5.1	6.9	6.3
Johor	5.0	5.1	5.0	5.2	5.5	5.6	5.6	5.8	5.1	6.7	6.3
Kedah	6.1	6.1	6.3	6.5	6.5	6.7	6.7	6.6	6.4	8.6	8.1
Kelantan	6.0	6.0	6.1	6.1	6.0	6.1	6.1	6.1	6.1	7.7	7.3
Melaka	5.4	5.5	5.4	5.6	5.8	6.0	5.9	6.0	5.5	7.1	6.6
Negeri Sembilan	5.6	5.8	5.9	6.1	6.2	6.4	6.5	6.4	5.8	7.6	7.1
Pahang	5.0	5.2	5.2	5.3	5.5	5.6	5.6	5.5	5.5	6.5	6.8
Perak	6.8	6.7	6.9	7.0	7.2	7.2	7.4	7.5	7.2	8.5	8.9
Perlis	6.9	7.2	6.8	7.1	7.5	8.0	8.1	7.9	6.8	7.8	8.4
Pulau Pinang	5.6	5.7	5.8	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2	6.1	8.0	7.4
Sabah	2.3	2.3	3.3	3.4	3.4	3.6	3.6	3.8	4.3	5.5	5.1
Sarawak	4.4	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	5.0	5.0	5.8	7.1	6.7
Selangor	3.7	3.7	3.7	3.9	4.1	4.2	4.2	4.3	3.6	6.0	4.7
Terengganu	5.6	5.8	5.7	5.8	5.8	5.8	5.8	5.9	5.9	7.2	7.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.6	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

JANGKA HAYAT KETIKA LAHIR

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Malaysia	74.5	74.6	74.4	74.4	74.6	74.8	74.7	74.0	73.8	74.0	75.2
Johor	74.3	74.3	74.2	74.1	74.3	74.4	74.3	73.6	73.5	73.8	74.9
Kedah	73.1	73.1	72.9	73.0	73.1	73.4	73.1	72.2	71.7	71.7	73.0
Kelantan	71.9	72.0	72.0	72.2	72.4	72.6	72.2	71.6	71.4	71.8	73.2
Melaka	74.5	74.6	74.5	74.5	74.7	74.9	74.0	73.1	73.0	73.2	74.3
Negeri Sembilan	73.5	73.6	73.4	73.4	73.5	73.8	73.3	73.1	72.9	73.1	74.0
Pahang	73.1	73.2	73.3	73.4	73.6	73.9	72.9	72.6	72.4	72.3	73.1
Perak	74.0	74.0	74.0	73.9	74.0	74.2	73.7	73.3	73.0	72.9	73.8
Perlis	73.0	73.0	72.4	72.0	72.0	72.0	72.8	72.4	72.3	72.4	73.5
Pulau Pinang	74.8	74.8	74.8	74.9	75.2	75.5	74.2	73.7	73.5	73.7	74.7
Sabah	73.5	73.8	74.2	74.2	74.2	74.2	74.3	73.4	73.1	73.8	75.1
Sarawak	76.3	76.3	76.3	76.2	76.4	76.3	75.1	74.5	74.3	74.5	75.2
Selangor	75.1	75.1	75.1	75.1	75.4	75.7	77.4	76.4	76.2	76.5	78.0
Terengganu	71.3	71.4	71.6	71.8	72.1	72.2	71.7	71.3	71.0	71.1	72.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

Nota:

- i.- Tiada kes
- ii.Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berasaskan Banci 2010 dan akan disemak semula

Sumber: Jadual Hayat Ringkas, Malaysia, 2022-2024



1.0 PENGENALAN

Laporan interim ini membentangkan parameter utama perhutanan & pembalakan berdasarkan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Paramater yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti perhutanan & pembalakan bagi tujuan jualan. Pegangan pertanian bagi aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi atau alamat pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti perhutanan. Manakala pegangan pertanian bagi aktiviti pembalakan adalah merujuk kepada lokasi pembalakan.

Aktiviti perhutanan & pembalakan merujuk kepada:

i. Pegangan Pertanian Individu

Merujuk kepada individu yang menjalankan aktiviti kutipan hasil hutan bukan kayu (antaranya seperti madu, daun pisang, buluh) dan sisa/serpihan pembalakan (seperti kayu getah, kayu bakau dan lain-lain jenis kayu) dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak

ii. Pegangan Pertanian Pertubuhan

Merujuk kepada pertubuhan yang diberikan lesen untuk menjalankan aktiviti pengumpulan hasil hutan dan pembalakan termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau, kayu jaras, kayu arang-arang dan kayu balak seperti kayu meranti, kayu chengal, kayu belian dan lain-lain. Liputan jenis kayu dalam Banci Pertanian ini adalah berbeza dengan laporan JPSM, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak dimana hanya meliputi kayu balak sahaja.

Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan bagi negeri yang melaksanakan aktiviti perhutanan & pembalakan. Parameter bagi maklumat ini adalah merujuk kepada lokasi individu dan pertubuhan bagi aktiviti perhutanan, manakala aktiviti pembalakan merujuk kepada kawasan aktiviti pembalakan dilaksanakan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 DEFINISI BAGI STATUS HUTAN

Status hutan yang diberi kebenaran untuk membuat aktiviti pembalakan dan hasil hutan bukan kayu adalah seperti berikut:

i. Hutan tanah bermilik (milikan swasta)

Hutan tanah milikan swasta adalah hutan yang dimiliki oleh individu, syarikat, atau entiti swasta lain. Ini bermaksud bahawa sebidang tanah yang ditutupi oleh hutan tersebut adalah milik peribadi dan bukan milik kerajaan atau masyarakat umum. Hutan tanah milikan swasta boleh diurus dan dimanfaatkan mengikut kepentingan pemiliknya yang mungkin merangkumi eksploitasi kayu, pengeluaran bahan bukan kayu, pemuliharaan atau matlamat lain.

ii. Hutan tanah kerajaan

Hutan tanah kerajaan menurut seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965) ialah semua tanah di dalam negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai dan tepi pantai laut, seperti yang termasuk di dalam wilayah negeri itu atau batas perairan wilayah) selain daripada:

- a. Tanah bermilik;
- b. Tanah rizab;
- c. Tanah lombong; dan
- d. Mana-mana tanah yang di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan hutan (sama ada diluluskan sebelum atau permulaan Akta ini), pada masa itu adalah hutan simpanan.

iii. Hutan simpanan kekal

Menurut Seksyen 2, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313), Hutan Simpanan Kekal (HSK) ertinya mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan HSK di bawah Akta ini. Kawasan tersebut ditadbir sepenuhnya oleh Jabatan Perhutanan Negeri dan semua hasil hutan dalam kawasan ini adalah milik Kerajaan Negeri.

iv. Ladang hutan kekal

Kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan, sama ada daripada spesies tempatan atau dagang, dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50 hektar.

2.2 KONSEP PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Perhutanan & pembalakan pula merujuk kepada pengelasan daripada Piawai Klasifikasi Industri Malaysia 2008 seperti berikut:

i. Pembalakan

Termasuk pengeluaran kayu balak untuk industri berasas kayu, pengeluaran kayu balak yang digunakan dalam bentuk belum diproses seperti kayu cerucuk, kayu pagar dan kayu jaras, pengumpulan dan pengeluaran kayu api serta pengeluaran kayu arang dalam hutan (menggunakan kaedah tradisional). Pengeluaran dalam aktiviti ini adalah dalam bentuk kayu balak, reja kayu atau kayu api. Meliputi aktiviti kutipan/pengumpulan sisa/serpihan kayu balak.

ii. Pengumpulan produk hasil hutan bukan kayu

Termasuk pengumpulan produk hasil hutan bukan kayu dan hasil hutan lain yang tumbuh liar seperti rotan, damar, madu lebah, pucuk paku, daun pisang dan lain-lain.

Banci Pertanian 2024 bagi sektor Perhutanan & pembalakan tidak termasuk aktiviti pemburuan dan penjeratan serta penangkapan haiwan liar sama ada hidup atau mati.

3.0 PARAMETER PERHUTANAN & PEMBALAKAN

Perhutanan & pembalakan merekodkan 8,464 pegangan pertanian yang terdiri daripada 7,930 orang dan 534 pertubuhan terlibat dalam aktiviti Perhutanan & pembalakan. Aktiviti hasil hutan bukan kayu mencatatkan kuantiti jualan oleh pegangan pertanian individu sebanyak 4.1 juta kilogram dan 0.8 juta kilogram bagi pertubuhan. Nilai jualan aktiviti hasil hutan bukan kayu bagi individu dan pertubuhan masing-masing merekodkan sebanyak RM43.97 juta dan RM23.44 juta. Aktiviti pembalakan yang didominasi oleh pertubuhan pula merekodkan kuantiti jualan sebanyak 5.98 juta meter padu dengan nilai jualan sebanyak RM3,766.96 juta.

3.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Jantina

Individu yang terlibat dalam aktiviti hasil hutan bukan kayu dan pembalakan pada tahun 2023 adalah seramai 7,930 individu yang terdiri daripada 7,419 orang lelaki (93.6%) dan 511 orang wanita (6.4%). Perak mempunyai bilangan individu yang tertinggi dengan sumbangan berjumlah 68.0 peratus (5,389 individu) diikuti Pahang 1,072 individu (13.5%) dan seterusnya Selangor seramai 450 individu (5.7%). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 87.2 peratus daripada keseluruhan individu yang terlibat dalam aktiviti hasil hutan bukan kayu dan pembalakan.

Jadual 1: Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023

Negeri	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Malaysia	5,503	2,427	7,930
Kedah	50	9	59
Kelantan	191	11	202
Negeri Sembilan	72	17	89
Pahang	921	151	1,072
Perak	3,428	1,961	5,389
Perlis	4	1	5
Selangor	379	71	450
Terengganu	159	14	173
Sabah	67	57	124
Sarawak	228	134	362
Lain-lain Negeri	4	1	5


Nota : Lain-lain Negeri merujuk kepada Johor, Melaka dan Pulau Pinang yang mempunyai pegangan pertanian individu kurang atau sama dengan tiga pegangan.

Kumpulan Umur

Mengikut struktur kumpulan umur, terdapat 37.5 peratus (2,970 individu) pegangan pertanian individu adalah terdiri dari kumpulan umur 31 hingga 45 tahun. Perak merekodkan bilangan individu tertinggi dalam kumpulan umur ini iaitu 1,975 orang, diikuti Pahang (462 orang) dan Selangor (194 orang). Bagi kumpulan kumpulan umur 15 hingga 30 tahun memberikan sumbangan 30.1 peratus (2,388 orang). Perak merekodkan jumlah pegangan pertanian individu tertinggi dalam kumpulan ini iaitu 1,928 orang diikuti Pahang (202 orang) dan Selangor (114 orang).

Kumpulan umur 45 hingga 59 tahun merekodkan sebanyak 1,707 pegangan pertanian individu. Bagi kumpulan umur 60 tahun ke atas pula adalah 865 orang seperti di Paparan 1. Perak mencatatkan jumlah pegangan tertinggi bagi kedua-dua kumpulan umur ini iaitu masing-masing mencatatkan seramai iaitu 1,042 orang dan 444 orang.


Paparan 1: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Struktur Umur, Malaysia, 2023



Kumpulan Etnik

Bagi bilangan pegangan pertanian individu mengikut etnik pula, ianya melibatkan kesemua warganegara Malaysia yang meliputi etnik Bumiputera merekodkan jumlah individu tertinggi iaitu 7,891 orang. Diikuti etnik Cina (23 orang), Lain-lain (13 orang) dan India (3 orang). Selain itu, pegangan pertanian bagi aktiviti ini adalah terdiri dari warganegara keseluruhannya.


Paparan 2: Pegangan Pertanian Individu Mengikut Etnik, Malaysia, 2023



Taraf Perkahwinan

Pegangan pertanian individu bagi perhutanan & pembalakan mengikut taraf perkahwinan merekodkan bilangan yang tertinggi adalah bagi status berkahwin iaitu 5,450 orang (68.7%), diikuti dengan tidak pernah berkahwin seramai 1,832 orang (23.1%). Selain itu bagi status balu/ duda merekod 538 orang (6.8%) dan bercerai/berpisah seramai 110 orang (1.4%).


Paparan 3: Pegangan Pertanian Individu Perhutanan & pembalakan mengikut Sijil Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023



Sijil Tertinggi Diperolehi

Banci Pertanian 2024 merekodkan bilangan pegangan pertanian individu bagi sijil diperoleh yang tertinggi adalah dalam kategori tiada sijil iaitu 4,254 orang (53.6%). Manakala pendidikan rendah adalah 2,214 orang (27.9%), diikuti pendidikan menengah merekodkan 1,425 orang (18.0%) dan tertiar 37 orang (0.5%).


Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu Perhutanan & pembalakan mengikut Sijil Tinggi Diperoleh, Malaysia, 2023



3.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU BAGI AKTIVITI HASIL HUTAN BUKAN KAYU

Pegangan pertanian individu bagi aktiviti hasil hutan bukan kayu pada tahun 2023 merekodkan 7,849 pegangan dengan didahului oleh Perak, iaitu 5,389 orang dan diikuti oleh Pahang 1,063 orang. Selangor berada di kedudukan ketiga bagi pegangan pertanian individu dengan 450 orang. Johor, Melaka dan Pulau Pinang merekodkan pegangan individu kurang atau sama daripada tiga pegangan.

Paparan 5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri, Malaysia, 2023



*merujuk kepada negeri Johor, Melaka dan Pulau Pinang
Peta tidak mengikut skala sebenar

3.1.2 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU BAGI AKTIVITI PEMBALAKAN

Pegangan pertanian individu bagi aktiviti pembalakan pula merekodkan 87 pegangan dengan Sarawak mencatatkan 64 orang, diikuti oleh Pahang, 10 orang dan Pahang empat orang. Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Perak dan Terengganu merekodkan pegangan individu kurang atau sama daripada tiga pegangan.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Individu bagi Aktiviti Pembalakan, Malaysia, 2023



3.2 PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

Pertubuhan yang terlibat dalam aktiviti Perhutanan & pembalakan pada tahun 2023 adalah 534 pertubuhan secara keseluruhan. Pegangan pertanian perhutanan merekodkan 23 pertubuhan dengan kuantiti jualan 0.8 juta kilogram dan nilai jualan RM23.44 juta. Manakala bagi aktiviti pembalakan pula melibatkan 512 pertubuhan dan mencatatkan kuantiti pengeluaran 6.5 juta meter padu dengan nilai jualan RM3.76 bilion. Perak merekodkan bilangan pertubuhan tertinggi iaitu 124 pertubuhan diikuti Sarawak dengan 115 pertubuhan dan Kedah 99 pertubuhan. Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 63.0 peratus kepada keseluruhan pertubuhan dalam aktiviti Perhutanan & pembalakan.


Paparan 7: Parameter bagi Pegangan Perhutanan & pembalakan, Malaysia, 2023



3.2.1 PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN AKTIVITI PERHUTANAN

Aktiviti perhutanan merekodkan jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran hasil hutan bukan kayu adalah 1,185.3 ribu kilogram dengan melibatkan 23 pertubuhan. Perak mencatatkan bilangan tertinggi dengan 6 pegangan, diikuti oleh Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur masing-masing dengan empat. Data ini menunjukkan tahap penglibatan yang berbeza-beza di antara negeri dalam aktiviti hasil hutan bukan kayu.


Paparan 8: Pegangan Pertubuhan bagi Aktiviti Perhutanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023



3.2.2 PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN AKTIVITI PEMBALAKAN

Aktiviti pembalakan pula merekodkan 6,549.2 ribu meter padu pengeluaran pada tahun 2023 berdasarkan kepada Banci Pertanian 2024. Kuantiti jualan mencatatkan 5,964.7 ribu meter padu dengan penghasilan jualan RM3.76 bilion oleh 512 pertubuhan. Perak mencatatkan bilangan pegangan pertanian pertubuhan tertinggi 118, diikuti oleh Sarawak dan Kedah masing-masing dengan 115 dan 97. Manakala tiada aktiviti pembalakan di Melaka, Pulau Pinang, Selangor dan W.P. Kuala Lumpur pada tahun 2023.

Paparan 9: Pegangan Pertubuhan bagi Aktiviti Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023




4.0 KUANTITI PENGELUARAN DAN KUANTITI JUALAN

4.1 AKTIVITI PERHUTANAN & PEMBALAKAN BAGI PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU


Pegangan individu merekodkan kuantiti pengeluaran bagi aktiviti perhutanan bukan kayu pada 2023 adalah 4,211.6 ribu kilogram dengan 96.4 peratus adalah dijual. Perak merupakan pengeluar utama bagi aktiviti ini dengan mencatatkan 1,272.8 ribu kilogram dan diikuti oleh Selangor dengan 1,246.5 ribu kilogram. Pahang berada dikedudukan ketiga dengan mencatatkan 1,086.7 ribu kilogram hasil hutan bukan kayu. Manakala bagi Perlis pula merekodkan kuantiti pengeluaran 1.75 ribu kilogram dengan 51.5 peratus adalah untuk jualan.

Carta 1: Kuantiti Pengeluaran dan Kuantiti Jualan bagi Pegangan Individu mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Aktiviti pembalakan merekodkan kuantiti pengeluaran 18.3 ribu meter padu berdasarkan kepada 87 pegangan pertanian individu. Daripada keseluruhan pengeluaran ini, 92.9 peratus adalah dijual dengan majoritinya disumbangkan oleh Sarawak dan Pahang.

Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran bagi Aktiviti Perhutanan Berasaskan Kayu, Malaysia, 2023



4.2 AKTIVITI PERHUTANAN BUKAN KAYU BAGI PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

Secara keseluruhan, sebanyak 23 pertubuhan telah terlibat dalam pengeluaran hasil hutan bukan kayu, dengan jumlah pengeluaran mencecah 1,185.3 ribu kilogram. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 811.8 ribu kilogram adalah untuk jualan, menghasilkan nilai keseluruhan RM23.44 juta.

Perak mencatatkan pengeluaran hasil hutan bukan kayu yang tertinggi iaitu 1,048.0 ribu kilogram dan 64.5 peratus adalah untuk tujuan jualan. Manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sabah pula masing-masing mengeluarkan 3.0 ribu kilogram dan 0.3 ribu kilogram.

Jadual 2: Kuantiti Pengeluaran dan Kuantiti Jualan bagi Perhutanan, Malaysia, 2023


Negeri	Kuantiti Pengeluaran (kg)	Kuantiti Jualan (kg)
Malaysia	1,185,289	811,752
Perak	1,048,044	676,044
Sabah	257	257
W.P. Kuala Lumpur	2,980	1,664
*Lain-Lain Negeri	134,008	133,787

*merujuk kepada negeri Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Selangor

4.3 AKTIVITI PEMBALAKAN BAGI PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan pada tahun 2023 adalah 6,549.2 ribu meter padu dan 91.1 peratus daripadanya adalah untuk jualan. Selebihnya diproses untuk penghasilan produk berasaskan kayu kayan. Sarawak mendahului negeri lain dari segi pengeluaran dengan 1,749.6 ribu meter padu dan hampir keseluruhannya adalah untuk jualan (98.8%). Perak pula merekodkan pengeluaran yang kedua tertinggi iaitu 1,313.0 ribu meter padu dengan 58.1 peratus dijual. Ini diikuti oleh Pahang dan Sabah yang masing-masing mencatatkan kuantiti pengeluaran dan jualan pada 953.4 ribu meter padu dan 803.7 ribu meter padu. Negeri Sembilan mencatatkan pengeluaran yang terendah bagi aktiviti pembalakan dengan 57.4 ribu meter padu dan diikuti oleh Perlis, 80,3 ribu meter padu.

Carta 2: Kuantiti Pengeluaran dan Kuantiti Jualan bagi Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023




Nota: Aktiviti pembalakan adalah termasuk Pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira Pengeluaran kayu balak sahaja.

5.0 NILAI JUALAN

5.1 NILAI JUALAN BAGI PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU


Pegangan pertanian individu bagi hasil hutan bukan kayu mencatatkan nilai jualan RM43.97 juta pada 2023. Pahang mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM14.59 juta, dan diikuti oleh Perak (RM13.97 juta), Selangor (RM6.54 juta) dan Sabah (RM3.66 juta).

Carta 3: Nilai Jualan bagi Pegangan Pertanian Individu mengikut Negeri, Malaysia, 2023



Aktiviti pembalakan yang dikeluarkan oleh pegangan pertanian individu di Sarawak, Sabah dan Pahang menyumbang 89.6 peratus kepada keseluruhan nilai jualan RM2.32 juta.

Carta 4: Sumbangan Nilai Jualan bagi Hasil Hutan Berasaskan Kayu mengikut Negeri, Malaysia, 2023




*merujuk kepada negeri Johor, Kelantan, Negeri Sembilan dan Terengganu

5.2 NILAI JUALAN PERHUTANAN OLEH PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

Aktiviti perhutanan merekodkan nilai jualan RM23.44 juta, hasil jualan bagi 811,8 ribu kilogram hasil hutan bukan kayu. Perak mendominasi hasil jualan dengan menyumbang 42.2 peratus atau RM9.89 juta. W.P. Kuala Lumpur pula mencatatkan jualan RM4.49 juta dan Sabah RM0.71 juta. Lain-lain negeri yang menjalankan aktiviti perhutanan merekodkan jualan RM8.35 juta, menyumbang 35.6 peratus kepada keseluruhan nilai jualan aktiviti ini.

Carta 5: Sumbangan Nilai Jualan bagi Aktiviti Perhutanan mengikut Negeri, Malaysia, 2023




*merujuk kepada negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Selangor

5.3 NILAI JUALAN PEMBALAKAN OLEH PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

Nilai jualan aktiviti pembalakan pada tahun 2023 merekodkan RM3.76 bilion dengan majoritinya adalah hasil jualan dari Sarawak yang menyumbang 40.3 peratus (RM1.52 bilion). Sabah merekodkan nilai jualan kedua tertinggi iaitu RM745.14 juta dan diikuti oleh Pahang RM541.97 juta hasil daripada jualan keseluruhan kuantiti pengeluaran. Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 74.5 peratus daripada nilai jualan aktiviti pembalakan di Malaysia.

Aktiviti pembalakan oleh pegangan pertanian pertubuhan memperoleh nilai jualan yang tertinggi bagi kayu jenis mixed light hardwood iaitu RM374.27 juta. Ini diikuti oleh jenis kayu belian dan kayu keruing dengan masing-masing merekodkan nilai jualan RM256.10 juta dan RM250.50 juta. Aktiviti ini juga turut mengeluarkan kayu aracia mangium yang menghasilkan nilai jualan RM233.80 juta pada tahun 2023.

Carta 6: Kedudukan Nilai Jualan aktiviti pembalakan mengikut negeri, Malaysia, 2023.



Nota: Aktiviti pembalakan adalah termasuk Pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira Pengeluaran kayu balak sahaja.

6.0 HASIL UTAMA AKTIVITI PERHUTANAN

6.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU


Hasil jualan yang tertinggi untuk aktiviti hasil hutan bukan kayu bagi pegangan pertanian individu adalah dengan penjualan petai iaitu RM10.21 juta. Kemudian diikuti oleh buluh dan rotan dengan masing-masing merekodkan RM8.70 juta dan RM7.13 juta. Pada masa yang sama, durian mencatatkan jualan RM2.77 juta dan daun pisang RM1.83 juta.

Paparan 11 : Nilai Jualan 6 Teratas bagi Jenis Hasil Hutan Bukan Kayu, Malaysia, 2023

Jenis Hasil Hutan	Nilai Jualan (RM)
 Petai	10,213,571
 Buluh	8,703,734
 Rotan	7,167,754
 Sarang Burung	2,913,796
 Durian	2,727,577
 Daun Pisang	1,856,509

Penyumbang utama kepada hasil jualan untuk aktiviti hasil hutan bukan kayu adalah Pahang, Perak dan Selangor dengan sumbangan 79.8 peratus kepada keseluruhan jualan. Antara jenis hasil bukan kayu yang utama bagi ketiga-tiga negeri tersebut adalah seperti berikut:

Paparan 12: Hasil Jualan bagi Tiga Negeri Penyumbang Utama mengikut Jenis Hasil Hutan Teratas, Malaysia 2023



Nota: Merujuk kepada individu yang menjalankan aktiviti kutipan hasil hutan bukan kayu (antaranya seperti madu, daun pisang, buluh) dan sisa/serpihan pembalakan (seperti kayu getah, kayu bakau dan lain-lain jenis kayu) dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak

6.2 PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN

Jenis hasil hutan bukan kayu yang mencatatkan nilai jualan tertinggi oleh pertubuhan adalah sarang burung dengan RM12.09 juta, diikuti oleh buluh RM5.05 juta. Rotan pula mencatatkan nilai jualan ketiga tertinggi iaitu RM4.97 juta. Ketiga-tiga jenis hasil hutan ini telah menyumbang 94.3 peratus kepada nilai jualan bagi aktiviti perhutanan.

Paparan 13: Hasil Utama bagi Aktiviti Perhutanan, Malaysia, 2023


RM12,089,980



RM5,046,220



RM4,969,575



RM727,865



7.0 JENIS KAYU UTAMA BAGI AKTIVITI PEMBALAKAN

Kayu Balak merupakan penyumbang utama bagi nilai jualan iaitu RM3.70 bilion. Ini diikuti oleh kayu getah RM37.92 juta dan kayu bakau/ jaras/ arang-arang dengan nilai jualan RM24.77 juta. Sarawak merupakan pengeluar utama kayu balak dengan nilai jualan RM1.52 bilion. Manakala, Kedah mendominasi pengeluaran kayu getah dengan nilai jualan RM16.37 juta. Perak pula merupakan pengeluar terbesar untuk kayu jenis bakau/ jaras/ arang-arang, RM17.47 juta.

Paparan 14: Nilai Jualan bagi Aktiviti Pembalakan, Malaysia, 2023



Nota: Aktiviti pembalakan adalah termasuk Pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira Pengeluaran kayu balak sahaja.

ANALISIS SIRI MASA IMPORT EKSPORT KAYU KAYAN

Luqman Hakim bin Mohomad Salehin¹, Nor Fatimah Bt Mohamad¹,

Mohd Saiful bin Husain¹, Mazreha Ya'akub¹

Bahagian Imbangan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia

ABSTRAK

Anugerah hutan yang tidak ternilai memberikan peluang kepada negara untuk menghasilkan dapatan melalui aktiviti pembalakan. Namun begitu, aktiviti ini perlu berpandukan kepada pendekatan yang lestari bagi memastikan kelangsungan anugerah ini berpanjangan dan terus memberi manfaat kepada ekonomi negara. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat siri masa import eksport bagi produk kayu kayan berdasarkan kepada data yang diperoleh daripada MTIB. Kebergantungan terhadap import eksport kayu kayan bagi tempoh beberapa tahun kedepan dapat dijangka dengan menggunakan kaedah analisis siri masa dan perancangan untuk perkembangan aktiviti ini dapat dibuat disamping pengawalan terhadap kelestarian hutan dapat dikekalkan.

Katakunci: Hutan, Pembalakan, Siri Masa

1. PENGENALAN

Hutan hujan tropika yang dimiliki oleh Malaysia merupakan satu anugerah alam yang tidak ternilai kerana memiliki hutan hujan tropika tertua dan subur di dunia. Ia menjadi tempat simpanan khazanah kehidupan seperti flora dan fauna yang unik, di samping menyediakan pelbagai perkhidmatan ekosistem seperti penyerapan karbon, penapisan air, serta pengawalan suhu dan iklim². Justeru itu, anugerah alam ini secara langsung dapat memberikan peluang kepada negara dalam meneroka aktiviti pertanian secara sihat.

Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Sektor ini sangat penting bagi manusia, dan kemampanan industri ini amat bergantung kepada peranan kita semua sebagai rakyat Malaysia. Menyelusuri kembali selepas kemerdekaan Malaysia, sektor pertanian merupakan nadi utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa itu. Dominasi sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi negara hanya sehingga 1980-an dan mula diambil alih oleh sektor Pembuatan sebagai sektor utama yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Dasar Perhutanan Malaysia telah diluluskan pada tahun 2021 oleh Mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-78 yang berkaitan dengan perhutanan di Semenanjung Malaysia dikenali sebagai Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia (DPSM)³. Dasar ini merangkumi aspek-aspek

¹ Perangkawan di Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran, Jabatan Perangkaan Malaysia

² Muhammad, Z., & Yacob, S. (2020). Sejarah perubahan kawasan berhutan di negeri Perak 1965–2010: Analisis data Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Pertanian. *Sejarah: Journal of the History Department, University of Malaya*, 29(2), 161-189.

³ Dasar Perhutanan Malaysia, (2021) Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

pengurusan hutan secara berkekalan berkaitan pemuliharaan, dan perlindungan pelbagai biologi, mitigasi kesan perubahan iklim, memperkasa penyelidikan dan pembangunan serta perkongsian maklumat. Ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Pingking dan Hussin pada 2023 yang mana menyatakan bahawa hutan merupakan aset alam semula jadi yang amat bernilai kerana perannya dalam mengekalkan keseimbangan ekologi, menyokong pembangunan ekonomi, dan menyumbang kepada kesejahteraan sosial manusia⁴.

Salah satu aktiviti yang berkait rapat dengan sektor pertanian ialah aktiviti pembalakan. Aktiviti pembalakan ini selalunya dilaksanakan oleh pengusaha pertubuhan dengan mendapat kebenaran daripada Jabatan Perhutanan Negeri terlebih dahulu.

2. PEMBALAKAN

Pembalakan merupakan salah satu daripada aktiviti pertanian yang memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Secara umumnya, pembalakan merujuk kepada aktiviti penebangan pokok di kawasan hutan untuk mendapatkan kayu atau bahan lain yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti pembinaan, pembuatan kertas, bahan bakar dan lain-lain.

Terdapat pelbagai panduan dan teknik dalam pembalakan telah diperkenalkan bagi membantu melestarikan hutan seperti Sistem Pengurusan Pemilihan (*Selective Management System*) atau SMS^{2,5}. SMS memfokus kepada kaedah dalam pengurusan hutan yang melibatkan penebangan pokok-pokok tertentu yang dipilih secara selektif, tanpa menebang keseluruhan kawasan hutan. Sistem ini bertujuan untuk menjaga keseimbangan ekosistem hutan sambil membenarkan pengambilan hasil hutan seperti pembalakan, dengan cara yang lebih mampan. Melalui sistem ini, panduan dalam pemilihan pokok yang matang dan sihat diperkenalkan dan aktiviti pembalakan juga dilakukan secara berperingkat bagi membolehkan hutan terus berkembang dengan penebangan yang minimum. Selain itu, sistem ini juga bertujuan untuk memelihara kepelbagaian biologi dan struktur ekosistem hutan dan seterusnya menggalakkan pemulihan dan pertumbuhan pokok baharu secara lebih baik.

² Muhammad, Z., & Yacob, S. (2020). Sejarah perubahan kawasan berhutan di negeri Perak 1965–2010: Analisis data Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Pertanian. *Sejarah: Journal of the History Department, University of Malaya*, 29(2), 161-189.

⁴ Pingking, A., & Hussin, R. (2023). Cabaran pemuliharaan hutan melalui pendekatan penglibatan komuniti dan pihak berkepentingan di Malaysia dan Indonesia: Tinjauan literatur. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 9(1).

⁵ Victoria Kubota et al. (2018) Effects of selective management system on biomass structure and forest sustainability: A case study of a tropical rainforest in Peninsular Malaysia


Selain sistem SMS, penambahbaikan teknik pembalakan telah diperkenalkan iaitu pembalakan kurang impak (*Reduced Impact Logging*) atau RIL⁶. Teknik RIL dilaksanakan selari dengan teknologi yang ada seperti jentera “*logfisher*” dimana ia juga mengambil kira kesan penilaian alam sekitar (EIA), Kriteria dan Petunjuk Malaysia (MC&I), standard dan amalan pengurusan hutan untuk mengurangkan kesan negatif, seterusnya bagi membolehkan produk kayu negara mendapat pensijilan.

Pembalakan yang dilakukan secara terkawal dan mampan mampu untuk memberikan manfaat kepada negara dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar. Antara manfaat kepada ekonomi adalah sebagai sumber pendapatan kepada negara dan juga komuniti melalui penjualan kayu dan juga produk-produk berkaitan kayu kayan seperti bahan binaan, perabot, kertas dan lain-lain.

2.1 EKSPORT DAN IMPORT KAYU KAYAN

Bagi memahami perkembangan semasa dalam industri kayu-kayan, analisis terhadap data eksport dan import produk kayu-kayan dari tahun 2014 hingga 2023 adalah penting. Graf di bawah menunjukkan perbandingan antara jumlah eksport dan import dalam tempoh tersebut, sekali gus memberi gambaran tentang corak perdagangan serta tahap permintaan dan penawaran pasaran antarabangsa.

Graf 1: Statistik Siri Masa bagi Eksport dan Import Kayu Kayan



Sumber: *Malaysian Timber Industry Board (MTIB)*

Berdasarkan data eksport dan import produk kayu-kayan utama dari tahun 2003 hingga 2023, eksport secara umumnya mencatatkan nilai yang lebih tinggi berbanding import sepanjang tempoh dua dekad tersebut. Nilai eksport menunjukkan trend yang berubah-ubah

⁶ Prof Madya Dr. Mohd Hasmadi Ismail, (2017) *Pembalakan Kurang Impak (RIL) menjamin kelestarian hutan negara*.

namun kekal dominan, dengan peningkatan ketara bermula sekitar tahun 2014 hingga mencapai kemuncak pada tahun 2018. Namun, berlaku penurunan pada tahun 2019 dan 2020, sebelum kembali meningkat semula pada tahun 2021 dan 2022. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, eksport mencatatkan sedikit penurunan.

Import pula menunjukkan pola pertumbuhan yang lebih stabil dan perlahan dalam tempoh tersebut. Dari tahun 2003 hingga 2020, nilai import meningkat secara berperingkat. Kenaikan ketara nilai import dapat dilihat pada tahun 2021 dan 2022 namun, pada tahun 2023, import mencatatkan sedikit penurunan walaupun masih berada pada paras yang tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Secara keseluruhannya, meskipun eksport mencatatkan nilai yang lebih tinggi berbanding import, namun jurang antara kedua-duanya semakin mengecil, khususnya selepas tahun 2020. Hal ini menggambarkan peningkatan kebergantungan terhadap bahan kayu-kayan dari luar negara serta perubahan dinamik dalam industri kayu-kayan negara.

3. METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan data sekunder. Fakta dan angka berkaitan dengan data import eksport produk kayu kayan diperolehi daripada sumber Malaysian Timber Industry Board (MTIB).

3.1 Analisis Deskriptif

Statistik deskriptif adalah cabang statistik yang memfokuskan untuk merumuskan dan menghuraikan ciri-ciri utama set data. Statistik deskriptif bertujuan untuk memberikan gambaran keseluruhan yang jelas dan ringkas tentang data itu sendiri.

3.2 Analisis Siri Masa

Analisis siri masa adalah kaedah statistik yang digunakan untuk menganalisis dan menginterpretasi data yang dikumpul dan direkodkan dari semasa ke semasa. Bagi tujuan menganggarkan item dalam eksport Akaun Semasa, analisis siri masa telah digunakan dalam kajian ini. Semua item yang menyumbang kepada eksport akaun semasa akan dianggarkan menggunakan kaedah trend:

3.3 Kaedah Trend

- *Exponential smoothing forecast*
- *Holt's linear trend method*
- *Damped trend methods*


4. KEPUTUSAN

Analisis deskriptif bagi data eksport dan import menunjukkan bahawa purata eksport bagi tempoh 21 tahun adalah RM4.6 bilion dan berada diantara RM3.1 bilion hingga RM6.4 bilion. Purata bagi import pula adalah RM1.9 bilion dengan nilai import terendah adalah RM0.6 bilion dan nilai tertinggi import pada RM3.8 bilion.

Jadual 3: Ringkasan Statistik (RM '000')

Pembolehubah	Pemerhatian	Purata	Sisihan Piawai	Minimum	Maksimum
Eksport	21	4,600,487	953,718	3,112,521	6,364,418
Import	21	1,868,669	903,411	597,465	3,789,156


Graf 2: Analisis Siri Masa Bagi Eksport Kayu Kayan (RM '000')



Nota: LCB: Lower Confidence Bound, UCB: Upper Confidence Bound

Analisis siri masa telah dilaksanakan bagi eksport dan import produk kayu kayan. Analisis ini menggunakan kaedah linear trend untuk menganggarkan eksport dan import bagi tempoh empat tahun akan datang. Berdasarkan kepada analisis ini eksport kayu dijangka akan terus meningkat dengan kadar perlahan bagi tempoh yang dianggarkan dengan merekodkan nilai eksport RM5.19 bilion pada tahun 2024 dan terus meningkat kepada RM5.29 bilion pada tahun 2025.

Graf 3: Analisis Siri Masa Bagi Import Kayu Kayan (RM '000')



Nota: LCB: Lower Confidence Bound, UCB: Upper Confidence Bound

Import kayu kayan 2024 diunjurkan pada RM3.81 bilion, meningkat 4.59 peratus berbanding import 2023. Prestasi import ini dijangka akan menurun secara perlahan untuk tahun yang seterusnya dan dijangka akan merekodkan RM3.78 bilion pada 2027. Secara ringkas, daripada analisis siri masa yang dilaksanakan ini menunjukkan bahawa prestasi eksport produk kayu kayan akan terus memberikan sumbangan kepada ekonomi negara disamping

memberi manfaat kepada penduduk di kawasan luar bandar dengan menyediakan pekerjaan, meningkatkan infrastruktur dan juga memberi sumbangan kepada kehidupan sosial selain daripada menyediakan keperluan asas kepada penduduk setempat.

Sebagai sebuah negara beriklim tropika yang meliputi kawasan seluas lebih kurang 33 juta hektar, Malaysia mengiktiraf kepentingan sumber hutan semula jadi sebagai komponen utama yang menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi serta keseimbangan alam sekitar. Malaysia terus mengekalkan komitmen yang telah dinyatakan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992, iaitu untuk memelihara sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan atau yang dilitupi pokok. Kawasan ini meliputi hutan simpan kekal, hutan kerajaan serta kawasan perlindungan yang lain⁷.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), (2021). Dasar Perhutanan Malaysia. Koyak Kreatif Venture. Diambil dari: <https://www.nres.gov.my/msmy/pustakamedia/Penerbitan/Dasar%20Perhutanan%20Malaysia.pdf>

Penafian:

Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM atau Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

5. RUJUKAN

Dasar Perhutanan Malaysia, (2021) Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), (2021). Dasar Perhutanan Malaysia.

Koyak Kreatif Venture. Diambil dari:

<https://www.nres.gov.my/msmy/pustakamedia/Penerbitan/Dasar%20Perhutanan%20Malaysia.pdf>

Muhammad, Z., & Yacob, S. (2020). Sejarah perubahan kawasan berhutan di negeri Perak 1965–2010: Analisis data Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Pertanian. *Sejarah: Journal of the History Department, University of Malaya*, 29(2), 161-189.

Pingking, A., & Hussin, R. (2023). Cabaran pemuliharaan hutan melalui pendekatan penglibatan komuniti dan pihak berkepentingan di Malaysia dan Indonesia: Tinjauan literatur. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 9(1).

Prof Madya Dr. Mohd Hasmadi Ismail, (2017) *Pembalakan Kurang Impak (RIL) menjamin kelestarian hutan negara*.

Victoria Kubota et al. (2018) *Effects of selective management system on biomass structure and forest sustainability: A case study of a tropical rainforest in Peninsular Malaysia*

A large, ancient tree with a thick trunk and a wide, spreading canopy of green leaves. The sun is shining through the branches, creating a warm, golden glow. The tree is set in a lush, green forest with other trees and foliage visible in the background. The overall scene is peaceful and natural.

JADUAL STATISTIK

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023*Table 1.0: Agriculture Holding for Logging and Forestry by State, Malaysia, 2023*

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	7,930	93.69	534	6.31	8,464	100.0
Johor	2	0.02	39	0.46	41	0.48
Kedah	59	0.70	99	1.17	158	1.87
Kelantan	202	2.39	16	0.19	218	2.58
Melaka	1	0.01	1	0.01	2	0.02
Negeri Sembilan	89	1.05	21	0.25	110	1.30
Pahang	1,072	12.67	50	0.59	1,122	13.26
Pulau Pinang	2	0.02	-	0.00	2	0.02
Perak	5,389	63.67	123	1.45	5,512	65.12
Perlis	5	0.06	5	0.06	10	0.12
Selangor	450	5.32	1	0.01	451	5.33
Terengganu	173	2.04	22	0.26	195	2.30
Sabah	124	1.47	38	0.45	162	1.91
Sarawak	362	4.28	115	1.36	477	5.64
W.P. Kuala Lumpur	-	0.00	4	0.05	4	0.05
W.P. Labuan	-	0.00	-	0.00	-	0.00
W.P. Putrajaya	-	0.00	-	0.00	-	0.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. State refers to the location where the agricultural holder reside. Logging activity refers to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian Pertubuhan bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri, Malaysia, 2023*Table 1.1: Establishment Agriculture Holding for Logging and Forestry by State, Malaysia, 2023*

Negeri State	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	534	100.00
Johor	39	7.30
Kedah	99	18.54
Kelantan	16	3.00
Melaka	1	0.19
Negeri Sembilan	21	3.93
Pahang	50	9.36
Pulau Pinang	-	0.00
Perak	123	23.03
Perlis	5	0.94
Selangor	1	0.19
Terengganu	22	4.12
Sabah	38	7.12
Sarawak	115	21.54
W.P. Kuala Lumpur	4	0.75
W.P. Labuan	-	0.00
W.P. Putrajaya	-	0.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:****1. Analisa pada 28 Mei 2025****2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.****3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.****4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.***** Notes:****1. Analysis as at 28 May 2025****2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refers to the location of logging.****3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.****4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.**

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian Individu bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Kewarganegaraan, Malaysia, 2023
Table 2.0: Individual Holding Agriculture for Logging & Forestry by State and Citizenship, Malaysia, 2023

Negeri State	Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	7,930	100.00	-	0.00
Johor	2	0.03	-	0.00
Kedah	59	0.74	-	0.00
Kelantan	202	2.55	-	0.00
Melaka	1	0.01	-	0.00
Negeri Sembilan	89	1.12	-	0.00
Pahang	1,072	13.52	-	0.00
Pulau Pinang	2	0.03	-	0.00
Perak	5,389	67.96	-	0.00
Perlis	5	0.06	-	0.00
Selangor	450	5.67	-	0.00
Terengganu	173	2.18	-	0.00
Sabah	124	1.56	-	0.00
Sarawak	362	4.56	-	0.00
W.P. Kuala Lumpur	-	0.00	-	0.00
W.P. Labuan	-	0.00	-	0.00
W.P. Putrajaya	-	0.00	-	0.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
 Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refers to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian Individu bagi Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Jantina, Malaysia, 2023
Table 2.1: Individual Agriculture Holding for Logging & Forestry by State and Gender, Malaysia, 2023

Negeri State	Lelaki Male		Perempuan Female	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	7,419	93.56	511	6.44
Johor	2	0.03	-	0.00
Kedah	50	0.63	9	0.11
Kelantan	193	2.43	9	0.11
Melaka	1	0.01	-	0.00
Negeri Sembilan	79	1.00	10	0.13
Pahang	999	12.60	73	0.92
Pulau Pinang	2	0.03	-	0.00
Perak	5,092	64.21	297	3.75
Perlis	4	0.05	1	0.01
Selangor	407	5.13	43	0.54
Terengganu	167	2.11	6	0.08
Sabah	79	1.00	45	0.57
Sarawak	344	4.34	18	0.23
W.P. Kuala Lumpur	-	0.00	-	0.00
W.P. Labuan	-	0.00	-	0.00
W.P. Putrajaya	-	0.00	-	0.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
 Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunapakai oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refers to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.2: Pegangan Pertanian Individu bagi Perhutanan dan Pembalakan mengikut Negeri dan Kumpulan Umur, Malaysia, 2023

Table 2.2: Individual Agriculture Holding for Logging & Forestry by State and Age Group, Malaysia, 2023

Negeri State	15 – 30 tahun 15 – 30 years		31 – 45 tahun 31 – 45 years		46 – 59 tahun 46 – 59 years		60 tahun dan ke atas 60 years and above	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	2,388	30.11	2,970	37.45	1,707	21.53	865	10.91
Johor	-	0.00	-	0.00	1	0.01	1	0.01
Kedah	5	0.06	29	0.37	23	0.29	2	0.03
Kelantan	43	0.54	85	1.07	46	0.58	28	0.35
Melaka	1	0.01	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Negeri Sembilan	13	0.16	45	0.57	23	0.29	8	0.10
Pahang	202	2.55	462	5.83	279	3.52	129	1.63
Pulau Pinang	1	0.01	-	0.00	-	0.00	1	0.01
Perak	1,928	24.31	1,975	24.91	1,042	13.14	444	5.60
Perlis	-	0.00	3	0.04	1	0.01	1	0.01
Selangor	114	1.44	194	2.45	94	1.19	48	0.61
Terengganu	72	0.91	55	0.69	24	0.30	22	0.28
Sabah	1	0.01	38	0.48	43	0.54	42	0.53
Sarawak	8	0.10	84	1.06	131	1.65	139	1.75
W.P. Kuala Lumpur	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
W.P. Labuan	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
W.P. Putrajaya	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00

Sumber: Banci Pertanian 2024

Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refers to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.3: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Kumpulan Etnik, Malaysia, 2023

Table 2.3: Individual Agriculture Holding for Logging & Forestry Subsector by State and Ethnic Group, Malaysia, 2023

Negeri State	Bumiputera <i>Bumiputera</i>		Cina <i>Chinese</i>		India <i>Indian</i>		Lain-lain <i>Others</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Malaysia	7,891	99.51	23	0.29	3	0.04	13	0.16
Johor	2	0.03	-	-	-	-	-	-
Kedah	59	0.74	-	-	-	-	-	-
Kelantan	198	2.50	4	0.05	-	-	-	-
Melaka	1	0.01	-	-	-	-	-	-
Negeri Sembilan	88	1.11	1	0.01	-	-	-	-
Pahang	1,062	13.39	-	-	-	-	10	0.13
Pulau Pinang	2	0.03	-	-	-	-	-	-
Perak	5,376	67.79	8	0.10	3	0.04	2	0.03
Perlis	5	0.06	-	-	-	-	-	-
Selangor	448	5.65	2	0.03	-	-	-	-
Terengganu	173	2.18	-	-	-	-	-	-
Sabah	124	1.56	-	-	-	-	-	-
Sarawak	353	4.45	8	0.10	-	-	1	0.01

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisis pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.4: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023

Table 2.4: Individual Agriculture Holding for Logging & Forestry Subsector by State and Marital Status, Malaysia, 2023

Negeri State	Tidak pernah berkahwin Never married		Berkahwin Married		Balu/Duda Widow/Widower		Bercerai Divorced		Berpisah Separated	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1,832	23.10	5,450	68.73	538	6.78	84	1.06	26	0.33
Johor	-	-	1	0.01	1	0.01	-	-	-	-
Kedah	8	0.10	47	0.59	4	0.05	-	-	-	-
Kelantan	17	0.21	172	2.17	13	0.16	-	-	-	-
Melaka	-	-	1	0.01	-	-	-	-	-	-
Negeri Sembilan	14	0.18	65	0.82	7	0.09	3	0.04	-	-
Pahang	57	0.72	949	11.97	61	0.77	2	0.03	3	0.04
Perak	1,601	20.19	3,369	42.48	334	4.21	64	0.81	21	0.26
Perlis	1	0.01	3	0.04	1	0.01	-	-	-	-
Pulau Pinang	-	-	2	0.03	-	-	-	-	-	-
Sabah	3	0.04	94	1.19	17	0.21	9	0.11	1	0.01
Sarawak	25	0.32	279	3.52	55	0.69	2	0.03	1	0.01
Selangor	56	0.71	352	4.44	38	0.48	4	0.05	-	-
Terengganu	50	0.63	116	1.46	7	0.09	-	-	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

*** Nota:**

1. Analisa pada 28 Mei 2025

2. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.

3. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.

4. Aktiviti Perhutanan & Pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan/atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

*** Notes:**

1. Analysis as at 28 May 2025

2. Forestry activities refer to the location where the agricultural holder reside and establishment. Logging activities refer to the location of logging.

3. Logging activities include the production of rubber wood, mangrove/jaras/charcoal and logs, which is different from the reports of the Peninsular Malaysia Forestry Department, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department which only take into account the production of logs.

4. Forestry & Logging Activities within Permanent Forest Reserve (PFR) areas and/or outside the PFR areas are not subject to the definitions used by the Forestry Department Peninsular Malaysia, Sabah Forestry Department and Sarawak Forestry Department.

Jadual 2.5: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023

Table 2.5: Individual Agriculture Holding for Logging & Forestry Subsector by State and Highest Certificate Attained, Malaysia, 2023

Negeri State	Doktor Falsafah (PhD) Doctor of Philosophy (PhD)		Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana Degree/ Advanced Diploma/ Masters		Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf Polytechnic/ University Diploma or equivalent		Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	3	0.04	13	0.16	14	0.18	6	0.08
Johor	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Kedah	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Kelantan	-	0.00	2	0.03	-	0.00	-	0.00
Melaka	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Negeri Sembilan	1	0.01	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Pahang	-	0.00	-	0.00	2	0.03	1	0.01
Pulau Pinang	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Perak	1	0.01	9	0.11	8	0.10	4	0.05
Perlis	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Selangor	1	0.01	2	0.03	1	0.01	-	0.00
Terengganu	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Sabah	-	0.00	-	0.00	2	0.03	-	0.00
Sarawak	-	0.00	-	0.00	1	0.01	1	0.01
W.P. Kuala Lumpur	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
W.P. Labuan	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
W.P. Putrajaya	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00

Jadual 2.10: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 2.10: Individual Agriculture Holding for Logging & Forestry Subsector by State and Highest Certificate Attained, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Negeri State	Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent		Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Certificate of specialized or technical skills (TVET)		STPM atau yang setaraf Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent		SPM/ SPM(V) atau yang setaraf Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1	0.01	9	0.11	25	0.32	1,391	17.54
Johor	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Kedah	-	0.00	-	0.00	-	0.00	16	0.20
Kelantan	-	0.00	-	0.00	-	0.00	22	0.28
Melaka	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Negeri Sembilan	-	0.00	-	0.00	-	0.00	10	0.13
Pahang	-	0.00	2	0.03	1	0.01	74	0.93
Pulau Pinang	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
Perak	1	0.01	5	0.06	19	0.24	1,153	14.54
Perlis	-	0.00	-	0.00	-	0.00	2	0.03
Selangor	-	0.00	1	0.01	-	0.00	35	0.44
Terengganu	-	0.00	-	0.00	-	0.00	15	0.19
Sabah	-	0.00	-	0.00	3	0.04	22	0.28
Sarawak	-	0.00	1	0.01	2	0.03	42	0.53
W.P. Kuala Lumpur	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
W.P. Labuan	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00
W.P. Putrajaya	-	0.00	-	0.00	-	0.00	-	0.00

Jadual 2.10: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Perhutanan & Pembalakan mengikut Negeri dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023 (samb.)

Table 2.10: Individual Agriculture Holding for Logging & Forestry Subsector by State and Highest Certificate Attained, Malaysia, 2023 (cont'd.)

Negeri State	Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) Below the SPM/SPM (V) passing standard		Tiada sijil No Certificate	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	2,214	27.92	4,254	53.64
Johor	1	0.01	1	0.01
Kedah	22	0.28	21	0.26
Kelantan	77	0.97	101	1.27
Melaka	-	0.00	1	0.01
Negeri Sembilan	24	0.30	54	0.68
Pahang	229	2.89	763	9.62
Pulau Pinang	2	0.03	-	0.00
Perak	1,458	18.39	2,731	34.44
Perlis	1	0.01	2	0.03
Selangor	154	1.94	256	3.23
Terengganu	50	0.63	108	1.36
Sabah	54	0.68	43	0.54
Sarawak	142	1.79	173	2.18
